

20 OCT 2001

Mahathir-Bush

MALAYSIA GESA AMERIKA SELESAIKAN ISU PALESTIN

Oleh: Mohd Kamel Othman & Ridzuan Zulkifli

SHANGHAI, 20 Okt (Bernama) -- Malaysia telah menggesa Amerika Syarikat menyelesaikan isu Palestin dalam usahanya memerangi keganasan antarabangsa ekoran serangan pada 11 Sept terhadap New York dan Washington.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dengan berbuat demikian, ia akan mengurangkan perasaan kecewa dan marah di kalangan dunia Islam.

Semasa bercakap kepada wartawan Malaysia selepas mengadakan perbincangan dua hala dengan Presiden Amerika George W. Bush pada acara sampingan mesyuarat pemimpin Forum Kerjasama Asia Pasifik (Apec) di sini, Dr Mahathir berkata: "Saya menjelaskan kepada beliau supaya menghapuskan punca keganasan dan saya menarik perhatian kepada masalah di Palestin sebagai perjuangan yang paling penting."

Turut hadir pada perbincangan dua hala itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata kedua-dua mereka bersetuju bahawa isu Palestin tidak boleh diselesaikan dalam waktu yang singkat.

"Memang sukar tetapi beliau berpendapat bahawa ia (konflik Asia Barat) patut diselesaikan dan ini merupakan sesuatu yang kami persetujui" katanya.

Dr Mahathir berkata Bush memberitahunya bahawa beliau telah menggesa Israel dan Palestin menyelesaikan konflik mereka dan menerima hakikat bahawa sebuah negara Palestin memang patut diwujudkan dan sebaliknya rakyat Palestin hendaklah menerima Israel sebagai sebuah negara Yahudi.

"Beliau (Bush) sendiri berkata beliau tidak mahu menjadi perhatian ramai mengambil peluang publisiti mengenai isu Asia Barat tetapi beliau sedang memberikan perhatian (dalam isu itu) dan mahu mencuba dan menyelesaikannya," katanya.

Ditanya sama ada Bush membuat permintaan supaya Malaysia sebagai sebuah negara Islam sederhana memainkan peranan dalam memerangi keganasan, Dr Mahathir berkata: "beliau memang menyebut bahawa Malaysia sebuah negara Islam sederhana dan percaya Malaysia mempunyai peranan untuk dimainkan."

"Beliau dilihat berpendapat bahawa kita mempunyai peranan untuk dimainkan dalam dunia Islam dan saya menjelaskan kepada beliau bahawa kemarahan dan kekecewaan dunia Islam dan beliau nampak menghargai pandangan saya dan memahami apa yang saya perkatakan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata beliau turut menjelaskan kenapa Malaysia tidak dapat menyokong serangan udara yang diketuai Amerika terhadap Afghanistan sebagai tindak balas kepada serangan pada 11 Sept.

Dalam serangan 11 Sept itu, perampas pesawat merempuh Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington mengorbankan kira-kira 5,600 orang.

Beliau berkata Bush menjelaskan pandangan Amerika mengenai perkara itu dan perasaan rakyat Amerika akibat serangan itu.

"Saya fikir pandangan kita dan pendapat mereka adalah berbeza mengenai isu itu jadi saya tidak mendesak kecuali mengatakan kita tidak dapat menyokongnya," katanya.

"Saya rasa beliau menerima hakikat yang kita mempunyai pandangan berbeza dalam isu-isu tertentu tetapi kita mempunyai pendapat yang sama dalam isu keganasan yang amat penting ini dan juga perlunya untuk memulihkan semula ekonomi dunia kerana beliau berpendapat negara-negara tidak boleh maju selagi perdagangan dunia tidak dipulihkan."

Apabila ditanya mengenai pendapat beliau akan pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat itu, Perdana Menteri berkata ia pertemuan yang baik dan bermula dengan Bush berterima kasih kepadanya yang menulis surat baru-baru ini dengan menjelaskan pandangan beliau mengenai usaha memerangi keganasan.

Bush juga mengucapkan terima kasih kepada Malaysia atas sokongannya terhadap usaha Amerika membanteras keganasan.

Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir berkata beliau juga menjelaskan dengan panjang lebar bagaimana Malaysia menangani pemberontakan komunis dan menyelesaikan masalah rasa tidak puas hati penduduk Cina di Malaysia dan akhirnya komunis meletakkan senjata.

Perdana Menteri berkata beliau juga menyentuh tentang perlunya memakmurkan negara-negara lain seperti yang Malaysia lakukan dalam menghantar pulang 10,000 pelarian Vietnam yang memasuki negara.

"Kita bekerjasama dengan Vietnam untuk memulihkan ekonominya dan kita berjaya menghantar pulang 10,000 warga Vietnam di Malaysia. Jadi itu satu lagi sebab mengapa kita perlu membantu orang menjadi lebih makmur," katanya.

Dr Mahathir berkata Bush mahukan hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika diperkukuhkan lagi. "Itu sesuatu yang saya rasa kita mahu lakukan dengan mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata Bush juga ingin tahu mengenai keadaan di Indonesia dan Malaysia menekankan mengenai perlunya menyokong kerajaan sekarang di bawah Presiden Megawati Sukarnoputri kerana Indonesia memerlukan sebuah kerajaan yang kukuh dan berwibawa.

Beliau berkata Malaysia mahu melihat keadaan di republik itu lebih tenteram. "Akan ada kesan sampingan apabila keadaan mereka tidak baik dan kecenderungannya ialah mereka (warga Indonesia) akan berhijrah ke Malaysia," katanya.

-- BERNAMA

MKO RBZ KHY PR RON